



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 11 MAC 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	EVOLUSI JUALAN RUNCIT, TEKNO, KOSMO -15 MESIN LAYAN DIRI RUNCIT PERTAMA MALAYSIA, TEKNO, KOSMO -16 & 17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4.	KPDN PERKUKUH SOP SIASATAN ISU CAMPURAN BERAS, NASIONAL, SH -6 KPDN PERKUKUH SOP SIASATAN, RUJUK KEPAKARAN MARDI, NASIONAL, BH -5	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7. 8. 9. 10.	PPK KUALA LANGAT ANJUR BENGKEL MEMBUAT KUIH RAYA, KOMUNITI KITA, UM -24 ISU RANTAIAN PUNCA BERAS TEMPATAN KURANG, DALAM NEGERI, UM-7 PAHANG TERIMA 700 TAN BPT SEBULAN, DALAM NEGERI, UM-7 PELANGGAN TIDAK BELI BARANG JIKA TIADA BERAS, DALAM NEGERI, UM-7 ANIMAL CRUELTY REPORT RECEIVED BY COPS, NATIONAL, THE SUN -5 BOUNTIFUL YIELDS BOUND FOR THE BIN, NATION, THE STAR -13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

K!-TEKNO

SELASA, 11.03.2025
www.kosmo.com.my
kosmo online
@ f X



Evolusi jualan runcit

BARANGAN runcit seperti sayur, kicap, sos, sambal segera atau makanan dalam tin mudah didapati di rak pameran kedai. Namun, dengan kehadiran mesin runcit, pembelian barang-barang tersebut kini boleh dilakukan dengan mudah secara larian dan memenuhi permintaan pengguna. Kemudahan itu berjaya direalisasikan menerusi kerjasama Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dengan Perbadanan Nasional (PnB) dan Perbadanan Nasional (PnB).

Kedua-dua organisasi itu berganding bahu melancarkan mesin larian di bangunan runcit pertama di Malaysia. Usaha tersebut secara tidak langsung

“Dalam era digital masa kini, mesin larian diri boleh menyokong sistem pembayaran tanpa tunai yang memudahkan pengguna. Ini termasuk 'memecahkan' masalah pengedaran serta logistik produk pertanian yang kadang-kadang terbatasi oleh faktor dan masa.

berkenaan berproses membeli inovasi bahan dalam pemasaran produk pertanian dan agromakanan dengan menawarkan platform jualan lebih automatik, efisien dan pantas.

“Dengan menggunakan mesin larian diri, ia dapat mengurangkan keperluan pekerja dan premis yang memerlukan kos sewaan serta penyelenggaraan tinggi.

“Lokasinya juga dapat menjual produk secara langsung kepada pengguna, sekali gus mempromosikan hasil larian perlu bergantung kepada pasar atau peruncit.

Dalam era digital masa kini, mesin larian diri boleh memudahkan pengguna membeli barang-barang tanpa tunai yang memudahkan pengguna.

“Ini termasuk 'memecahkan' masalah pengedaran serta logistik produk pertanian yang kadang-kadang terbatasi oleh faktor dan masa.

“Penggunaan mesin larian diri tersebut juga mampu membantu PAMA mengembangkan cara yang lebih inovatif dalam pemasaran produk pertanian dan agromakanan.

“Ini sekali gus dapat menggalakkan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian,” katanya kepada K!-Tekno.



MESIN layan diri runcit pertama Malaysia ditempatkan di pejabat PayNet, Menara Southpoint, Mid Valley City, Kuala Lumpur.

Mesin layan diri runcit pertama Malaysia

membolehkan pengguna seperti biasa membeli atau makanan diproses dapat akan lebih lama.

"Suhu mesin perlu sentiasa dipantau bagi memastikan ia sesuai pada tahap keselamatan."

Sementara itu, mesin juga perlu diambil kira sama ada diletakkan di kawasan pejabat atau urban untuk disesuaikan dengan produk makanan agar tidak rosak. Ini bagi memastikan produk dijual mencapai tahap keselamatan.

Tambahan, pertimbangan faktor tersebut bagi memastikan mesin layan diri tidak hanya berfungsi sebagai saluran penjualan yang efisien, tetapi juga sebagai platform untuk mempromosikan produk.

Di samping itu, FAMA juga menggariskan beberapa langkah penting bagi memastikan produk dalam mesin layan diri kekal segar tidak rosak atau melampau tarikh luput. Kolaborasi tertentu untuk mengoptimumkan kesedaran.



Rencana
Utama
Oleh
PUAN
FAUZIAH

SELAIN berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, Shahrizan membantu pemilikan produk dengan berkesan kepada pemilikan badan, selain sosial dengan kapalti penyediaan mesin.

Kucanya, produk yang ditawarkan perlu memastikan kualiti produk yang tinggi untuk memastikan dalam keadaan segar.

"Tahap suhu mesin penting bagi



PENGUNA boleh membuat pembayaran di mesin layan diri runcit secara tanpa tunai.

11/3/2025

KOSMO

TEKNO

17

INFO

Mesin layan diri runcit

- Minawakan produk runcit runcit seperti sayur, sayuran, buah-buahan, makanan dalam tin, dan lain-lain.
- Sebanyak 24 jenis barangan runcit boleh didapati di pejabat PayNet di Menara Southpoint, Mid Valley City, Kuala Lumpur.
- Mesin layan diri ini membolehkan suhu lebih rendah bagi memastikan kawalan kualiti barangan runcit runcit seperti sayur-hai tidak mudah rosak.
- Penyelenggaraan dan pengisian mesin dibuat secara berkala oleh pihak berkaitan. Produk benda dalam keadaan segar dan tidak tidak rosak.

"Barangan yang dipilih perlu mempunyai jangka hayat yang panjang. Pemeriksaan berkala juga dapat membantu memastikan barangan seperti sayur dan buah-buahan bertahan."

"Mesin ini juga dilengkapi dengan sistem pendingin yang berfungsi mengedalikan suhu rendah bagi membantu proses pembungkusan dan pembungkusan. Suhu yang rendah ini dapat memastikan barangan runcit runcit seperti sayur-hai tetap segar."

"Pengawalan suhu di dalam mesin layan diri dibuat berdasarkan produk. Sebagai contoh, produk yang memerlukan suhu lebih rendah atau kawalan kelembapan tinggi akan kawalan suhu yang lebih rendah."

Dalam pada itu, Shah Izzan tidak menafikan kemungkinan mesin layan diri akan berdepan dengan kerosakan, gangguan sistem atau terputus bekalan elektrik."

Umatnya, sekarang risiko sudah dielakkan kerana sebelum ini mesin layan diri yang ditawarkan di pejabat PayNet di Menara Southpoint, Mid Valley City, Kuala Lumpur.

Antara produk yang dijual adalah buah anggur merah, anggur hijau, kobis panjang, bendi, bayam, sawi Jepang, kacang panjang, kacang musang, sos Korea, sos tiram, sos tomyam, pes asam Jawa, sardin dan panas dalam tin.

"Kami menyediakan perkhidmatan penyelesaian untuk memeriksa kerosakan mesin, memastikan komponen utama seperti sistem penyejukan atau pembungkusan berfungsi dengan baik."

Sekiranya berlaku kerosakan atau gangguan, pihak berkaitan akan segera diadakan untuk menggantikan stok dan barangan dalam mesin secepat mungkin."

"Penjualan berkala juga dapat memastikan pengangkutan stok lebih efisien bagi memastikan perkhidmatan kami lebih pantas dan cekap. Kami juga akan memastikan jumlah stok yang cukup, tetapi tidak berlebihan sehingga menimbulkan pembaziran sekiranya berlaku kerosakan."

Menariknya, Pengarah Koperasi Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Encik Ghani berkata, mesin layan diri semakin popular kerana peningkatan kaedah pembayaran tanpa tunai serta permintaan terhadap akses kepada kedai runcit pada bila-bila masa.

"Mesin ini juga dapat membantu barangan runcit runcit seperti sayur-hai dan minuman. Sekiranya ini la meliputi makanan tambahan, produk kesihatan dan hasil segar."



PELAGI produk makanan dan pertanian tempatan boleh diperolehi melalui mesin layan diri runcit.



PENGUNA pada hari ini lebih selesa menggunakan mesin layan diri untuk mendapatkan makanan atau barangan runcit.

"Ini membuktikan peningkatan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya peningkatan pembelian secara mudah, automatik dan pantas. Serantau terutamanya di tempat-tempat seperti pusat membeli-belah, lapangan terbang serta hospital."

"Dengan pelancaran mesin layan diri ini, kami berharap dapat meningkatkan penjualan produk tempatan dan mesin layan diri bagi mendapatkan makanan atau barangan runcit."



Permintaan kepada mesin layan diri kini tidak lagi terhad pada makanan ringan dan minuman. Sebaliknya sekarang ia meliputi makanan tambahan, produk kesihatan dan hasil segar."

diri barangan runcit pertama ini, kami menyambut baik trend global ini. Mesin ini juga dapat membantu barangan runcit runcit seperti sayur-hai dan minuman. Sekiranya ini la meliputi makanan tambahan, produk kesihatan dan hasil segar."

"Mesin layan diri ini diwujudkan sebagai pilihan tambahan yang bersifat pantas dan membolehkan aksesibiliti tinggi kepada pengguna."

"Mesin ini juga dapat membantu barangan runcit runcit seperti sayur-hai dan minuman. Sekiranya ini la meliputi makanan tambahan, produk kesihatan dan hasil segar."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA SURAT
11/3/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

KPDN perkukuh SOP siasatan isu campuran beras

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang memperkukuh prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan berkaitan isu campuran beras.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, SOP siasatan ini merangkumi seluruh aspek termasuk pengurusan ekshibit sampel beras dan kebolehterimaan (*admissibility*) barang bukti di mahkamah.

Menurutnya, KPDN akan memperkukuhkan kerjasama strategik dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Kimia Malaysia.

“Saya mendengar taklimat MARDI berkaitan dapatan kajian isu pencampuran beras putih import (BPI) dengan beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

“KPDN akan menguatkuasakan Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 untuk mengenal pasti pi-

hak yang bertindak membuat perihal dagangan palsu kandungan, jenis dan pelabelan beras.

“Ini termasuk kesalahan melakukan penyelewengan penjualan beras dengan menukar bungkus atau label beras yang boleh mengelirukan pengguna,” ujarnya menerusi laman Facebook pada Isnin.

Sebelum ini, kira-kira 40 hingga 50 peratus BPI daripada 5,000 sampel yang dianalisis MARDI disahkan bercampur dengan beras putih tempatan.

Kajian menggunakan teknologi pencaparian asid deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang 2023 dan 2024 dengan sampel beras diterima daripada pihak berkuasa iaitu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan KPDN yang diambil daripada pengilang.

Tambah Armizan, dalam menguatkuasakan Akta 730, analisis sampel beras adalah aspek yang amat penting dalam penentuan BPI dan BPT.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Isu campuran beras import, tempatan

KPDN perkukuh SOP siasatan, rujuk kepakaran MARDI

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengambil tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 terhadap pihak yang mencampurkan beras putih import (BPI) dengan beras putih tempatan (BPT) dalam bungkusan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, Kementerian juga akan memperkukuh prosedur operasi standard (SOP) siasatan menerusi kerjasama dengan MARDI dan Jabatan Kimia.

Katanya, penguatkuasaan Seksyen 5, APD 2011 bagi me-

ngenal pasti mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti perihal dagangan palsu, termasuk kandungan, jenis dan pelabelan beras.

Dalam menguatkuasakan Akta 730 berkenaan, analisis sampel beras adalah aspek penting dalam penentuan ketulenan BPI dan BPT

Armizan Mohd Ali,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup



Beliau berkata, antara kesalahannya akan diteliti ialah perbuatan menukar bungkusan atau label beras yang boleh mengelirukan pengguna.

"Dalam menguatkuasakan Akta 730 berkenaan, analisis sampel beras adalah aspek penting dalam penentuan ketulenan BPI dan BPT.

"Mengambil kira MARDI kini mempunyai kepakaran melalui Teknologi Pencapaian DNA beras, KPDN akan merujuk MARDI sebagai pihak berwajib (*competent authority*)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, SOP siasatan merangkumi seluruh aspek, termasuk pengurusan eksibit sampel beras dan kebolehterimaan (*admissibility*) barang

bukti di mahkamah.

"Selain MARDI, KPDN juga akan memperkukuh kerjasama strategik dengan Jabatan Kimia Malaysia. KPDN komited untuk melaksanakan penguatkuasaan bagi menangani isu beras campuran secara tidak sah melalui kesalahannya membuat perihal dagangan palsu.

"Ini bertujuan melindungi kepentingan pengguna dan sekali gus membantu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam agenda menambah baik industri padi dan beras negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2025	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	24



PPK Kuala Langat anjur Bengkel Membuat Kuih Raya

PERTUBUHAN Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat menganjurkan Bengkel Membuat Kuih Raya untuk mengajar ahli-ahlinya kemahiran membuat sendiri kuih-muih tradisi seperti kuih bahunas dan tart nanas bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah, bengkel masakan kuih raya tersebut diadakan khusus untuk ahli-ahli peladangnita dari seluruh Daerah

Kuala Langat. Program yang menarik penyertaan 20 ahli Peladangnita itu dikendalikan oleh Pengerusi Peladangnita, Dahlia Tahiri di Jalan Idris Kampung Jenjarum, di sini baru-baru ini.

■ **ABDUL RAZAK Khasbullah** (tengah) bergambar bersama ahli-ahli Peladangnita yang menyertai Bengkel Membuat Kuih Raya di Kuala Langat, Selangor. - **UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS**



MUJAHID Che Hamid menunjukkan bekalan BPT yang diterima syarikatnya di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/ SHAIKH AHMAD RAZIF

Isu rantai punca beras tempatan kurang

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@medianula.com.my

KUANTAN: Kekurangan bekalan beras putih tempatan (BPT) di negara ini dikatakan berpunca daripada isu rantai perniagaan yang bermula dari peringkat petani sehingga pemborong.

Ini terjadi apabila golongan petani, pengilang atau pengedar dan pemborong terbeban ekoran kerugian terpaksa ditanggung disebabkan oleh peningkatan kos dalam industri padi negara.

Pengarah Urusan Mumtaz Iman Sdn. Bhd., Mujaheed Che Hamid yang merupakan syarikat pengilang dan pengedar beras berkata, kilang padi menerima harga bekalan pada harga RM1,650 satu tan metrik membabitkan RM1,500 untuk belian padi dan RM150 kos pengangkutan serta pengurusan.

Katanya, padi yang diterima diberi pemutuan tawaran daripada pemutuan taburan wap basah dan hampa sebanyak 10 hingga 20 peratus.

"Situasi ini mengakibatkan kenaikan kos kepada kilang sekurang-kurangnya RM150 per tan dan menjadikan harga belian padi sebenar di kilang

Situasi ini mengakibatkan kenaikan kos kepada kilang sekurang-kurangnya RM150 per tan dan menjadikan harga belian padi sebenar di kilang adalah RM1,800 satu tan metrik."

MUJAHID CHE HAMID

adalah RM1,800 satu tan metrik.

"Untuk kos penghasilan beras di kilang, hasil perolehan kisan purata untuk padi dalam negeri Pahang adalah sekitar 58 peratus yang mana 1,000 kilogram (kg) padi yang dibeli menghasilkan 580 kg beras bergred sahaja.

"Ini bermakna kos pengeluaran beras bergred merujuk

formula berikut. Kos belian padi RM1,800 bahagi 58 peratus perolehan beras bersamaan RM3103.45 (kos beras) ditambah kos operasi RM200 (minimum), bersamaan RM3203.45 (kos beras di kilang) dan beras di peringkat kilang dijual kepada kilang pengangkutan beras pada harga RM2,775 per tan metrik," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Mujaheed, ia menunjukkan kilang padi sedang mengalami kerugian sehingga RM428.45 bagi setiap tan metrik beras dihasilkan.

Ujarnya, bagi menampung kerugian tersebut, kilang menjual hasil-hasil sampingan seperti beras hancur, dedak dan temokut.

Jelasnya, untuk kos kilang pemborong (pengangkutan) pula, belian beras bergred daripada kilang padi RM2,775 ditambah kos pengangkutan RM50 menjadikan sebanyak RM2,825.

Katanya, harga belian padi perlu diberikan seperti dinyatakan kerana kos mengusahakan sawah ketika ini adalah antara RM1,500 hingga RM1,600 per ekar, yang mana hasil tuaian hanya sekitar satu tan metrik sahaja.

Pahang terima 700 tan BPT sebulan

KUANTAN: Tiga buah syarikat pembekal beras di negeri ini dilantik untuk mengedarkan sebanyak 700 tan metrik beras putih tempatan (BPT) sebulan kepada peruncit serta peniaga.

Dua syarikat di Kuantan masing-masing menerima 300 tan metrik manakala sebuah lagi di Kampung Awah, Maran memperoleh 100 tan metrik menerusi Program Khas BPT Bersubsidi 2025.

Selain tiga syarikat itu, pengedaran BPT turut dibuat oleh anak syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) iaitu Jasmine Food Corporation Sdn. Bhd., Oel Distribution (East Coast) Sdn. Bhd. dan Serbawangi PH Sdn. Bhd.

Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Pahang, Hamizan Musa berkata, jumlah 700 tan metrik itu dianggarkan membabitkan kira-kira 70,000 kampak yang akan dijual pada harga RM26 bagi kampak 10 kilogram (kg).

"Melalui bekalan BPT yang diterima kali ini, ia diharapkan dapat mengatasi masalah kekurangan beras jenis itu dalam pasaran tempatan.

"Walaupun tidak dapat menyelesaikan masalah itu sepenuhnya, sekurang-kurangnya langkah ini dapat memastikan bekalan beras tempatan sentiasa ada di pasaran," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Melalui bekalan BPT yang diterima kali ini, ia diharap dapat mengatasi masalah kekurangan beras jenis itu dalam pasaran tempatan."

HAMIZAN MUSA

Tambah Hamizan, pihaknya akan melakukan pemeriksaan di kedai-kedai runcit yang menerima BPT, setiap kali maklumat tentang penghantaran diterima daripada pengilang atau pengedar.

"Kita akan pastikan BPT dihantar sama seperti invois dan data dihantar pihak pengedar. Ini penting bagi memastikan bekalan ini sampai di pasaran demi manfaat pengguna," katanya.

Beliau turut menasihatkan pengguna agar membeli beras mengikut keperluan dan tidak melakukan pembelian panik yang menjadi antara punca gangguan bekalan.

"Beras itu ada, yang menjadi masalah apabila berlaku pembelian panik," katanya.

Pelanggan tidak beli barang jika tiada beras

SUNGAI PETANI: Beras putih tempatan (BPT) bersubsidi didapati masih belum berada di kebanyakan premis jualan di daerah ini, walaupun kerajaan memaklumkan ia boleh didapati bermula 1 Mac lalu.

Tinjauan di beberapa premis runcit dan borong mendapati, hanya beras putih import sekamplit 10 kilogram (kg) berharga antara RM29 hingga RM34.50 sahaja dijual.

Peniaga kedai runcit di Taman Ria Jaya yang mahu dikenali sebagai Kamal berkata, dia terkesan kerana perlu mengeluarkan modal tinggi mendapatkan beras import untuk meneruskan perniagaan kerana ketiadaan stok BPT.

"Saya menunggu stok beras tempatan seperti yang di-

janjikan tetapi hampa kerana belum menerimanya lalu menyebabkan perlu memesan beras import untuk memenuhi keperluan pelanggan.

"Jika tiada beras, kebanyakan pelanggan tidak akan membeli barangan lain yang menyebabkan saya kehilangan hasil jualan," katanya ketika ditemui.

Suri rumah, Faizah Ghazali, 53, pula mengeluh kerana telah lama berjimat ketika berbelanja berikutan kenaikan pelbagai harga barang.

"Pengumuman BPT yang bakal dijual dengan harga RM26 memang menyebabkan kami menantainya, namun sehingga sekarang penantian itu belum berakhir kerana bekalan itu tiada di pasaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2025	THE SUN	NATIONAL	5

Animal cruelty report received by cops

IPOH: Police have confirmed receiving a report regarding an incident that was recently circulated on social media in which a man allegedly mistreated a dog in Menglembu.

Ipoh deputy district police chief Supt Mohamad Sajidan Abdul Sukor said authorities received the report at 12.30am on Friday and are completing the investigation before referring the case to a Perak public prosecutor for further action.

"Initial investigations revealed that a foreign man poured a cup of hot water onto a stray dog that was roaming outside a premises. The dog was taken to a veterinary clinic for treatment."

He said the case is being investigated under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015 and Section 428 of the Penal Code for cruelty and mischief against animals, Bernama reported.

"Police would like to advise the public not to abuse animals as legal action can be taken."

11/3/2025

THE STAR

NATION

13

Bountiful yields bound for the bin

Farmers discard veggies amid oversupply, declining demand

By IMRAN HILMY

imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Farmers have been forced to discard tonnes of vegetables due to an oversupply in the market and a decline in demand over the past few months.

Despite good weather and harvests, farmers claimed that an oversupply of imported vegetables contributed to the low demand in the market.

According to vegetable supplier Louis Law from Cameron Highlands, green vegetables accounted for nearly 90% of the vegetables discarded.

"We had to throw away green lettuce, mustard greens, and slew pak choy," he added.

Law said demand for vegetables during Ramadan would usually be low as consumers eat fewer vegetables.

Competition from imported vegetables also made it more challenging for locally-produced greens, he added.

"Vegetables from countries like China, Thailand, and Vietnam are imported without control, thus creating a surplus of local vegeta-

bles," he said.

Law urged the government to take action to prevent further wastage of locally-grown vegetables by implementing stricter regulations on imported vegetables to protect the local farmers.

"There should be better import controls and monitoring to prevent excessive foreign vegetables from flooding the local market," he said.

Another farmer, Mohd Shahid Sopian, 25, from Padang Terap, Kedah, said he recently had to destroy about two tonnes of cucumbers due to oversupply.


"The price of cucumber also suddenly dropped from RM1 per kg to as low as 40sen," he said.

He suggested that the authorities purchase surplus produce to help offset the waste of locally-grown vegetables.

"Maybe the ministry can buy our crops and donate them to boarding schools or hospitals," he said.

Mohd Shahid, who lives in Kampung Masjid Lama Naka, said besides cucumbers, he also planted chillies, eggplants, and okra.

Federation of Vegetable Farmers



Nowhere to go: Discarded vegetables lying by a roadside in Cameron Highlands. — Photo courtesy of China Press

Associations president Lim Ser Kwee said that up to 10 tonnes of vegetables had been discarded daily in the past few months due to a decline in demand.

"The current weather conditions are also favourable, leading to a higher yield than before.

"Previously, an acre of land could produce around three tonnes of vegetables, but now the output has doubled," he said.

Lim said the association plans to meet with the Agriculture and Food Security Ministry and discuss how they could work together to overcome this issue.

"The government needs to address the challenges faced by farmers now.

"If no action is taken, one day, nobody would want to grow vegetables any more due to financial losses," he said.